



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN  
Aras 9-10, Blok C2, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti  
Perdana Menteri 2004



Tel. : 03-88853000  
Faks : 03-88892218/88893062  
03-88892219/88892230/88892231  
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Kami: JPA(BGE)223/5/4-3(30)  
Tarikh: 12 Mac 2008

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**Penambahbaikan Kemudahan Bantuan Pelajaran Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 Dan Kemudahan Tambang Pulang Ke Malaysia Kepada Pegawai Yang Berkhidmat Di Luar Negeri**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, selain kenaikan kadar Elaun Perbezaan Sara Hidup, bantuan yuran sekolah menengah antarabangsa dan pendahuluan diri bagi bayaran wang cagaran di bawah Bantuan Pelajaran yang diluluskan melalui surat pelaksanaan Kementerian Kewangan rujukan: KK/BP(S)11/669/79/222/1-2JD.8(SK2/2007)(9) bertarikh 6 Februari 2008, Kerajaan bersetuju memberi penambahbaikan kemudahan Bantuan Pelajaran yang diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 dan kemudahan baru iaitu Tambang Pulang Ke Malaysia kepada pegawai yang berkhidmat di luar negeri.

3. Bersama-sama ini disertakan peraturan pelaksanaan di **Lampiran A** bagi penambahbaikan kemudahan Bantuan Pelajaran dan Tambang Pulang Ke Malaysia yang dinyatakan di atas. Kemudahan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008.

4. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan supaya perbelanjaan bagi kemudahan ini dilaksanakan dengan cara yang jimat dan berhemah.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( YAP KIN SIAN )  
Pegawai Bahagian Gaji Dan Elaun  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

☎ 03-88854003  
✉ [ksyap@jpa.gov.my](mailto:ksyap@jpa.gov.my)

S.k:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan  
Tingkat 4, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 Putrajaya  
(U.p: Y.Bhg. Dato' Omar bin Kaseh)

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara  
No.15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana  
Presint 2, 62594 Putrajaya

Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana  
Presint 2, 62594 Putrajaya

**Prinsip dan Syarat Pelaksanaan Bagi Penambahbaikan Kemudahan Bantuan Pelajaran Dan Kemudahan Tambang Pulang Ke Malaysia Kepada Pegawai-pegawai Yang Berkhidmat Di Luar Negeri**

**A. Penambahbaikan Bantuan Pelajaran**

1. Di bawah peraturan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 mengenai Bantuan Pelajaran, Kerajaan akan membiayai bayaran-bayaran yang diwajibkan oleh pihak sekolah seperti berikut:

- i. yuran peperiksaan utama;
- ii. buku teks dan buku kerja/aktiviti mengikut kurikulum akademik yang ditetapkan;
- iii. pemeriksaan kesihatan sekiranya ia adalah syarat kemasukan ke sekolah;
- iv. yuran kelas tambahan bagi tujuan penyesuaian/ peralihan sistem pembelajaran/ kemasukan ke gred yang setara dengan gred sebelum itu;
- v. 95% daripada yuran khas bagi pembelajaran anak-anak pegawai yang mempunyai masalah kurang upaya mental seperti *autisme* dan *dyslexia* untuk mengikuti sistem pembelajaran biasa di penempatan yang tiada kemudahan pembelajaran khas; dan
- vi. yuran untuk mengikuti projek/ aktiviti sekolah yang diwajibkan bagi memenuhi kurikulum akademik yang ditetapkan terhad kepada di dalam negara berkenaan sahaja.

2. Pelaksanaan kemudahan ini adalah bagi pembayaran yang dikenakan setelah berkuatkuasanya kemudahan ini.

**B. Peraturan Kemudahan Tambang Pulang Ke Malaysia**

1. Pegawai yang berkhidmat di luar negeri dan ahli keluarga yang menetap bersama pegawai layak menikmati kemudahan tiket penerbangan pergi-balik dari lapangan terbang di negara penempatan pegawai ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Kota Kinabalu atau Kuching sekali bagi setiap penempatan di Perwakilan luar negeri;

2. Kemudahan ini adalah bagi tambang kapal terbang mengikut laluan terus dan terdekat termasuk cukai lapangan terbang, surcaj bahan api dan perbelanjaan lain yang berkaitan tiket penerbangan (tidak termasuk bayaran atas sebab kecuaihan pegawai). Sekiranya terpaksa singgah dan bermalam, peraturan berikut adalah terpakai:

- a) pegawai dibenarkan menuntut Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Makan untuk dirinya dan ahli keluarga bagi tempoh satu hari sahaja mengikut kadar bertugas rasmi di dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa



dengan syarat kemudahan/ perbelanjaan ini tidak ditanggung oleh syarikat penerbangan;

- b) Bayaran Sewa Hotel adalah terhad kepada tiga bilik dengan syarat setiap bilik yang disewa hendaklah digunakan oleh tidak kurang daripada dua (2) orang; dan
  - c) Elaun Makan layak dituntut bagi pegawai dan isteri mengikut kadar pegawai, manakala kadar tuntutan bagi anak adalah 90% daripada kadar Elaun Makan terendah di tempat persinggahan berdasarkan kadar bertugas rasmi.
3. Kemudahan ini diberi sekurang-kurangnya enam (6) bulan setelah berada di penempatan dan tiga (3) bulan sebelum menamatkan perkhidmatan di sesebuah penempatan.
  4. Kelayakan tambang adalah berdasarkan peraturan di perenggan 3.1.2, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 dan pindaannya melalui surat Jabatan Perkhidmatan Awam Ruj: JPA(S)187/12-2Klt.2(23) bertarikh 11 Januari 2005 yang berkuat kuasa mulai 1 November 2004.
  5. Kemudahan ini luput sekiranya tidak digunakan.